

# Malaysia Prihatin dipilih tema

UM - 29/7/2020 m/s: 8

**PUTRAJAYA:** Kesepaduan usaha semua pihak dalam memerangi pandemik Covid-19 mendorong kerajaan untuk memilih 'Malaysia Prihatin' sebagai tema Hari Kebangsaan tahun ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tema tersebut juga menunjukkan inisiatif kerajaan merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan rakyat.

Katanya, semangat Malaysia Prihatin itu dizahirkan bukan sahaja bagi mereka yang bertugas di barisan hadapan, malah pelbagai lapisan masyarakat yang merupakan wira tidak didendang.

"Mereka tampil untuk memberikan bantuan dan sokongan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

"Ini petanda baik yang membuktikan rakyat Malaysia boleh bersatu sama ada di waktu susah, apatah lagi dalam waktu senang," katanya semasa menyampaikan amanat sempena Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di Dat-



**MUHYIDDIN Yassin (empat dari kanan) bersama barisan menteri Kabinet mengibarkan Jalur Gemilang sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di Putrajaya, semalam.**

aran Perdana, Bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Turut hadir, barisan Kabinet dan ketua-ketua jabatan.

Muhyiddin turut berpesan supaya semangat Malaysia Prihatin itu disebarkan disegenap aspek kehidupan

masyarakat, bukan sahaja dalam usaha menamatkan wabak Covid-19, sebaliknya memulihkan semula ekonomi dan kehidupan

rakyat ke arah yang lebih baik.

"Malaysia Prihatin perlu kita semat dalam ingatan untuk kita mengukuhkan kembali asas-asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

"Kita perlu melakukannya bersama-sama dan dengan keazaman dan usaha yang berseungguh-sungguh," ujarnya.

Sambutan Hari Kebangsaan berlangsung di Kuala Lumpur pada 31 Ogos manakala Sambutan Hari Malaysia di Sibul, Sarawak pada 16 September.

"Bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme, saya meminta kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan untuk menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Muhyiddin turut menyarankan agar amalan mengibarkan Jalur Gemilang dijadikan budaya dalam kehidupan seharian.

"Kita semua dengan rela hati perlu mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang tahun tanpa perlu menunggu sambutan Bulan Kebangsaan," katanya.